

07/11/2003

Masalah 'cukong' dan balak haram

Muhd Yusuf Abu Bakar

TINDAKAN Indonesia menghasut Kesatuan Eropah (EU) supaya tidak membeli balak dan produk kayu dari Malaysia dengan mendakwa sebahagian kayu berkenaan dibalak secara haram di negara itu, sebelum dibeli dan diproses pihak Malaysia, perlu dipandang serius. Ia bukan kali pertama ancaman daripada pihak berkuasa Indonesia terhadap Malaysia berhubung penjualan kayu terutama dari wilayah Kalimantan yang bersempadankan Sabah dan Sarawak.

Pada 2000, pihak berkuasa negara itu memutuskan mengharamkan eksport kayu balak (log) dan hanya membenarkan kayu bergergaji dihantar ke pasaran luar, berikutan penebangan dan pengeksportan balak secara berleluasa selain penyeludupan sehingga menyebabkan sumber kayu di negara berkenaan pupus.

Kita tidak pasti ancaman itu serius atau gertak saja, tetapi ia memberi kesan buruk kepada hubungan dua hala terutama berkaitan urusan pembelian produk kayu mentah dari Indonesia.

Sebenarnya, media Indonesia terutama di Kalimantan sudah mencanangkan isu balak dan kayu haram yang dieksport ke Malaysia terutama Sarawak sejak sekian lama. Malah akhbar di ibu kota Pontianak, Kalimantan Barat awal September lalu, turut memberi gambaran negatif, kononnya sebahagian ekonomi Sarawak disumbangkan oleh kegiatan pembalakan haram dari wilayah Indonesia.

Dakwa media berkenaan bukan perkara baru, malah dalam sesi mesyuarat Sosial Ekonomi Sempadan Malaysia-Indonesia (Sosek Malindo) yang diadakan setiap tahun, masalah pembalakan haram sering ditimbulkan pihak berkuasa negara jiran.

Masalah yang sama turut disentuh Presiden Megawati Sukarnoputri ketika berbincang dengan Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad pada Mesyuarat Dua Hala Malaysia-Indonesia yang berlangsung di Kuching, akhir Ogos lalu.

Jadi kita tidak hairan apabila kenyataan Menteri Perhutanan negara itu, Muhammad Prakosa meminta EU tidak membeli balak dan produk kayu dari Malaysia seperti yang disiarkan Jakarta Post itu.

Isu berkaitan sebenarnya tertumpu kepada kayu yang dibeli pengusaha kilang dari Sarawak dan Sabah yang bergantung kepada kayu Indonesia untuk sumber bahan mentah. Oleh kerana kedua-dua negeri bersempadankan Kalimantan Barat, tidak hairanlah ia menjadi pintu masuk utama kayu Indonesia sama ada dari laut di Tawau, Sabah dan Sematan dan Sibu (Sarawak) atau Tebedu dan Lubok Antu (lalu darat di Sarawak).

Persoalan yang ditimbulkan pihak berkuasa Indonesia ialah produk kayu yang diproses di Malaysia kebanyakannya ditebang secara haram dari hutan Indonesia. Tinjauan Berita Harian mengenai isu itu, tidak menolak wujudnya kebenaran seperti apa yang dinyatakan pihak Indonesia, bagaimanapun kegiatan haram itu berlaku di negara berkenaan iaitu di Kalimantan dan sepatutnya mereka sendiri menyelesaikannya bukan menyalahkan orang lain (Malaysia).

Penulis dimaklumkan, kegiatan pembalakan haram di kawasan berkenaan berpunca daripada penyelewengan yang dilakukan pihak yang diamanahkan untuk menjaga sumber kayu.

"Semua pihak mendapat manfaat daripada penebangan kayu secara haram itu, baik pegawai tempatan sehinggalah pihak yang melepaskan kayu berkenaan untuk dieksport," kata satu sumber ketika dihubungi.

Katanya, penduduk yang selama ini bekerja dalam industri berkenaan akan merusuh sekiranya kerajaan tidak membenarkan kayu yang mereka tebang dijual. Oleh itu, pihak berkuasa terpaksa membenarkan kayu yang sebahagiannya ditebang secara haram dijual.

Ini berlaku awal tahun ini apabila pihak berkuasa Indonesia mengharamkan eksport kayu bergergaji (kayu batak) dari Entikong ke Sarawak melalui Tebedu, menyebabkan kayu melonggok di tepi jalan raya dari Balaikarangan sehingga Entikong. Pengusaha kayu dan penduduk yang tidak berpuas hati membuat bantahan menyebabkan pihak berkuasa terpaksa membenarkan semula eksport berkenaan.

Sumber itu berkata, banyak kayu yang ditebang secara haram keluar melalui pelabuhan sah seperti Sampit, Pangkalabun (Kalimantan Tengah) Ketapang dan Pontianak (Kalimantan Barat) menuju ke Sarawak.

"Begitu juga kayu bergergaji yang tidak pasti asal usulnya keluar secara sah melalui Kastam (Bea Cukai) Entikong, Kalimantan Barat ke Tebedu, Sarawak untuk kegunaan industri kayu negeri ini.

"Adakah pihak berkuasa negara berkenaan boleh menyalahkan Malaysia dengan segala penyelewengan yang berlaku di luar kemampuan kita untuk bertindak?," katanya.

Pihak kastam Malaysia yang pernah ditanya mengenai masalah kayu Indonesia berkata semua kayu proses yang dibawa masuk melalui Tebedu mengikut peraturan yang ditetapkan.

"Walaupun kastam tidak mengenakan cukai import terhadap komoditi berkenaan, semua dokumen perlu sudah disediakan... maknanya kayu import masuk mengikut peraturan," katanya.

Persoalan sebenarnya yang ingin ditimbulkan pihak berkuasa negara jiran ialah kerakusan peniaga Malaysia yang dikenali sebagai 'cukong' menggunakan kuasa wang untuk mendapatkan kayu tanpa mengikut peraturan sehingga berlaku penyelewengan.

Sekiranya peniaga Malaysia tidak mengikut peraturan ketika berurusan di negara luar, adili mereka mengikut undang-undang yang ada supaya mereka belajar mematuhi peraturan, bukan menggunakan wang untuk menyelesaikan masalah.

Kita bersimpati dengan Indonesia kerana sumber bumi yang hampir pupus, tetapi mereka perlu berusaha bagi mengatasi masalah penyelewengan kuasa, tamak dan rasuah yang bukan saja menyebabkan sumber pupus dan hanya segelintir pihak berkepentingan mendapat keuntungan, malah ia boleh mencetuskan masalah di antara dua negara jiran, sekiranya langkah penyelesaian tidak dilakukan.